

NO. SOALAN: 34

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]

TARIKH : 2 DISEMBER 2015

RUJUKAN : 8313

SOALAN:

Tuan Oscar Ling Chai Yew [SibU] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah laporan polis sudah dibuat terhadap suspek kes insurans, Voon Chin Heong (710818-13-5873) dan Kueh Koh Ing (750822-13-5100) sebelum dan selepas bulan Jun 2015 di seluruh Malaysia. Mengapakah polis tidak menyiasat dan mengambil tindakan terhadap kes yang dilaporkan sebelum bulan Jun tahun ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak polis telah menjalankan siasatan terhadap 107 laporan polis yang diterima sehingga kini berkaitan kes ini, di bawah seksyen 420 Kanun Keseksaan atas kes penipuan insuran. Suspek bernama Voon Chin Heong (710818-13-5873) dan juga Kueh Koh Ing (750822-13-5100) adalah merupakan pasangan suami isteri yang didakwa melakukan penipuan insuran terhadap mangsa yang melibatkan kerugian dianggarkan sebanyak RM6,292,285.82.

Tiga kertas siasatan telah dibuka dan suspek telah ditangkap berkaitan kes ini. Siasatan masih diteruskan dan kertas siasatan akan dimajukan kepada pejabat Timbalan Pendakwaraya untuk ulasan dan arahan selanjutnya.

SOALAN (35)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 2 DISEMBER 2015
[RABU]**

**DARIPADA : Y.B. DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI
[KUALA KRAI]**

SOALAN :-

Y.B. DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI [KUALA KRAI] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sejauh mana benarnya laporan Khazanah Research Institute yang dikeluarkan pada 24 Ogos 2015 bahawa rakyat khususnya di bandar menghadapi masalah teramat tidak mampu memiliki rumah.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada dasarnya Kerajaan menyambut baik penemuan Khazanah Research Institute (KRI) tentang isu kemampuan perumahan (*Housing Affordability*) yang berada di tahap ketidakmampuan yang serius (*Seriously Unaffordable*).

Namun begitu, sejak tahun 2013 lagi Kerajaan telah melaksanakan langkah-langkah yang berterusan bagi mengawal harga rumah dan mengelakkan spekulasi harga rumah dan kini ianya telah menunjukkan kesan yang positif.

Berdasarkan maklumat daripada **Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC)**, pada suku ke-2 tahun 2015, telah mencatatkan perubahan indeks harga rumah pada tahap 5.9% dengan purata harga rumah pada RM305,075 berbanding pada suku ke-2 tahun 2014 iaitu pada 8.4% dengan purata harga rumah sebanyak RM302,716. Ini menunjukkan

bahawa penurunan indeks harga rumah ini membawa kepada pengurangan kenaikan harga rumah di negara ini.

Bagi meningkatkan penawaran rumah di pasaran, Kerajaan telah melaksanakan dasar 1Juta Rumah Mampu Milik yang menyasarkan golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Program ini juga melibatkan agensi dan skim-skim perumahan seperti:-

- (i) Skim Perumahan Mampu Milik Swasta (MyHome);
- (ii) Skim Pinjaman Perumahan (SPP);
- (iii) Program Perumahan Rakyat (PPR);
- (iv) Program Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M);
- (v) Rumah Mesra Rakyat, Idaman Rakyat dan Aspirasi Rakyat di bawah SPNB;
- (vi) Perumahan PR1MA;
- (vii) Pelaksana oleh agensi negeri; dan
- (viii) Pihak swasta.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Disember 2015

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS TAHUN 2015
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI
KAMARUDDIN [AMPANG]**

TARIKH : 02 DISEMBER 2015 (RABU)

SOALAN : 36

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH** menyatakan rancangan menaik taraf
kebijakan Orang Asli di Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) telah menyediakan pelbagai bentuk bantuan kebajikan bagi menjamin kesejahteraan hidup masyarakat Orang Asli. Dalam usaha untuk menaik taraf kebajikan Masyarakat Orang Asli ini, JAKOA telah diberi tanggungjawab terutamanya berkaitan kebajikan pengurusan kesihatan masyarakat Orang Asli. Oleh yang demikian, pelbagai perancangan yang telah dirancang dan dilaksanakan termasuklah antaranya membaikpulih beberapa buah Balai Rawatan dan Pusat Transit Kesihatan sedia ada bagi menjamin keselesaan proses mendapat bantuan kesihatan dan rawatan kepada Masyarakat Orang Asli di Pendalaman. Bahkan, segala perbelanjaan bagi pembelian alat sokongan rawatan seperti kaki palsu, kerusi roda, pembiayaan kos pembedahan, implant, dialisis serta kos pengurusan kematian jenazah; adalah ditanggung dan dibiaya sepenuhnya tanpa had oleh kerajaan melalui kementerian dan JAKOA di mana usaha murni ini akan diteruskan bagi memastikan masyarakat Orang Asli dapat meneruskan kehidupan dan kerjaya seperti biasa.

Di samping itu, pihak kementerian melalui JAKOA juga memberikan bantuan kebajikan secara langsung *one-off* melalui Program Peningkatan Kualiti Hidup Masyarakat Orang Asli iaitu bantuan bakul makanan, bantuan pembiayaan bayaran pengangkutan dan bantuan pemberian kebajikan wang saku pendidikan kepada setiap Keluarga Isi Rumah (KIR) dan pelajar miskin tegar di kalangan masyarakat Orang Asli sebanyak RM20 Juta sepanjang Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) (2011-2015). Insyaallah, pihak kementerian bercadang untuk meneruskan bantuan bantuan kebajikan secara langsung *one-off* melalui Program Peningkatan Kualiti Hidup Masyarakat Orang Asli ini di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) nanti.